05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KATA MAJMUK

MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KATA MAJMUK

MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN INI
ADALAH UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

14.04.2004

MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI
200200276

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran bagi Allah S.W.T. kerana dengan izinnya, dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan sahabat baginda.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Seri Lanang Jaya selaku penyelia projek ini yang telah banyak membimbing, memberi teguran serta tunjuk ajar yang berterusan tanpa jemu dalam melaksanakan projek ini. Semoga Allah memberi ganjaran atas pertolongan beliau.

Juga tidak ketinggalan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Perak kerana merestui usaha saya membuat kajian di sekolah menengah di Negeri Perak. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid-Murid, Guru-Guru Kanan dan guru-guru serta murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah yang terlibat dalam kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Wallahu'alam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran kata majmuk khususnya dan bahasa Melayu amnya di kalangan murid-murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan terutama Tingkatan Dua A 3. Pengkaji menggunakan ujian sebelum, ujian selepas sebagai instrumen kajian. Pengumpulan data dilakukan dengan menjalankan ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik kepada 34 orang murid Tingkatan Dua A 3 dan 101 orang jumlah murid Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Data-data yang dikumpul melalui ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 11.0 (Statistical Package for Social Sciences). Analisis data dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratus. Pada keseluruhannya, sikap responden terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya adalah pada tahap positif. Kesimpulannya, kajian menunjukkan prestasi responden dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya meningkat. Ini membuktikan keberkesanan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan kajian, dinyatakan juga cadangan-cadangan pendekatan komunikatif dan kajian lanjutan berkenaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

COMMUNICATIVE APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING OF KATA MAJMUK

ABSTRACT

This research is a form of observation to study the effectiveness of communicative approach on teaching and learning processes using 'kata majmuk' specifically and Bahasa Melayu generally among the Form Two students of Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. However, the study was mainly focussed on the Form 2A3 students. The researcher used test and questionnaires as the research instrument. Collection of data is done by having pre test, post test and questionnaires with the Form 2A3 students and a total of 101 students of Form Two of Sekolah Menengah Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. The data collected from pre test, post test and questionnaires is processed and analysed by using Statiscal Package for Social Sciences (SPSS Version 11.0). The data analysis is expressed in the form of frequency and percentage. On the whole, the respondents' attitude towards the implementation of communicative approach on teaching and learning processes using 'kata majmuk' specifically and Bahasa Melayu in general is at positive level. In conclusion, this research shows the respondents' performance in Bahasa Melayu in general and 'kata majmuk' specifically has improved. The application of communicative approach to the teaching and learning processes of Bahasa Melayu proved to be successful. Based on the findings of the study, proposals for the implementation of the communicative approach on the area suggested are also mentioned.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
BAB 1	**PENDAHULUAN**	**1 - 17**
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Tujuan Kajian	7
1.4	Soalan Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Batasan Kajian	11
	1.6.1 Populasi Kajian	11
	1.6.2 Lokasi	12
	1.6.3 Tumpuan Kajian	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		Halaman
1.6.4	Alat Kajian	13
1.7	Definisi Istilah	13
1.7.1	Bahasa Melayu	13
1.7.2	Tatabahasa	14
1.7.3	Pendekatan Komunikatif	14
1.7.4	Pengajaran	16
1.7.5	Pembelajaran	16
1.7.6	Pencapaian Sederhana	17
BAB 2	**KAJIAN LITERATUR**	**18 - 62**
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Bahasa Melayu Sebagai Alat Komunikasi	19
2.3	Teori-Teori Pembelajaran Bahasa	22
2.3.1	Teori Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan	22
2.3.2	Teori Pembelajaran Kod-Kognitif (Piaget)	24
2.3.3	Teori Pembelajaran Interaksionalis (Halliday)	24
2.3.4	Teori Pembelajaran Fungsionalis (Halliday)	25
2.4	Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif	26
2.4.1	Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif	30
2.4.2	Prinsip-Prinsip Penggunaan Pendekatan Komunikatif	31
2.4.3	Peranan Bahasa Murid-Murid, Guru Dan Bahan	33
2.4.4	Pengelolaan Kumpulan	36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

2.5	Penyelidikan Tentang Pendekatan Komunikatif	38
	2.5.1 Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif	38
2.6	Konsep Pendekatan Komunikatif	42
2.7	Tanggapan Salah Tentang Aktiviti Komunikatif	54
2.8	Kata Nama Majmuk	56
	2.8.1 Kajian Lepas Kata Majmuk	58
2.9	Kesimpulan Tentang Penyelidikan Pendekatan Komunikatif	61
BAB 3	**METODOLOGI**	**63 - 68**
3.1	Pengenalan	63
3.2	Latar Belakang Tempat Kajian	64
3.3	Reka Bentuk Kajian	65
3.4	Prosedur Persampelan Kajian	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Kajian Rintis	66
3.7	Prosedur Kajian	66
3.8	Penganalisaan Data	68
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**	**69 - 92**
4.1	Pendahuluan	69
4.2	Perihalan Sampel	70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

4.2.1 Sampel Ujian 70

4.2.2 Sampel Soal Selidik 72

4.2.2.1 Jantina 72

4.2.2.2 Bangsa 73

4.2.2.3 Kelas Murid 73

4.3 Dapatan Kajian 74

4.3.1 Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid Dalam Ujian Sebelum? 75

4.3.1.1 Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid Dalam Ujian Selepas? 77

4.3.2 Apakah Jenis Bentuk Atau Aspek Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Paling Ketara Dalam Kajian? 79

4.3.3 Sejauh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Terhadap Penggunaan Kata Dalam Ujian Sebelum 80

4.3.3.1 Sejauh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Terhadap Penggunaan Kata Majmuk Setelah Mengikut Pengajaran Secara Komunikatif 83

4.3.4 Dapatan Soal Selidik Untuk Menyokong Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kata Majmuk 83

4.3.5 Huraian Analisis Bahagian B 84

4.3.5.1 Aspek Penguasaan Tentang Bahasa Melayu 87

4.3.5.2 Aspek Pendekatan Komunikatif 89

4.4 Kesimpulan 92

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

BAB 5	**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**	**93 - 106**
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Kesimpulan Dan Perbincangan	94
5.2.1	Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid?	94
5.2.2	Apakah Aspek Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Paling Ketara Dalam Kajian?	95
5.2.3	Sejuh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Tentang Kata Majmuk Setelah Mengikuti Pengajran Secara Komunikatif	98
5.3	Cadangan-Cadangan	102
5.3.1	Tindakan Penggubal Dasar	102
5.3.2	Tindakan Peringkat Sekolah	104
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5	Kesimpulan	105
RUJUKAN		107
LAMPIRAN		
A	Rancangan Pelajaran	111
B	Kata Majmuk (Soalan)	115
C	Kata Majmuk (Contoh Jawapan)	116
D	Soal Selidik Murid	117
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1	Taburan Murid Tingkatan Dua A 3 Mengikut Jantina	70
2	Taburan Mengikut Bangsa Murid	71
3	Taburan Murid Tingkatan Dua Mengikut Jantina	72
4	Taburan Murid Tingkatan Dua Mengikut Bangsa	73
5	Taburan Murid Mengikut Kelas Tingkatan Dua	74
6	Peratus Salah Dan Frekuensi Salah Kata Majmuk Dalam Ujian Sebelum	76
7	Peratus Salah Dan Frekuensi Salah Kata Majmuk Dalam Ujian Selepas	78
8	Prestasi Murid-Murid Dalam Ujian Sebelum	80
9	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 1-3	85
10	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 4-6	87
11	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 7-10	89
12	Frekuensi Kesalahan Penulisan Kata Majmuk	95
13	Peratus Kesalahan Penulisan Kata Majmuk	98

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Komponen Asas Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif	29

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan di Malaysia. Oleh itu, Bahasa Melayu amat penting kepada murid-murid, bukan sahaja sebagai alat untuk berkomunikasi di sekolah, malah untuk menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran. Kelemahan dalam penguasaan Bahasa Melayu boleh menjejaskan prestasi murid-murid dan fenomena ini telah menjadi persoalan di kalangan mereka yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Banyak faktor telah menyumbang kepada kemerosotan penguasaan Bahasa Melayu. Antara faktor yang jelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikenal ialah pengajaran tatabahasa Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas tidak dilaksana dengan berkesan.

Penguasaan bahasa atau lebih khusus bagi penguasaan tatabahasa iaitu kata majmuk merupakan satu aspek penting dalam kemahiran bahasa dan wajib dikuasai oleh murid-murid. Tanpanya, bermacam-macam masalah akan timbul dalam penulisan dan lisan kerana semua bentuk penggunaan bahasa memerlukan tatabahasa yang berkesan, sudah pasti murid-murid tidak dapat membentuk ayat yang gramatis untuk berkomunikasi, meluahkan perasaan dan pendapat.

Penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas yang penting dalam penguasaan Bahasa Melayu. Dua perkara penting perlu dititikberatkan untuk mencapai tahap penguasaan sesuatu bahasa. Yang pertama ialah, seseorang itu harus mempunyai pengetahuan tentang peraturan sistem bahasa, sama ada bahasa pengucapan ataupun bahasa penulisan, dan yang kedua ialah menyalurkan pengetahuan dalam kemahiran kognitif untuk menggulung, membanding, menyimpul, menggabung dengan bahasa yang gramatis. Justeru, idea yang disampaikan menjadi logik dan mantap.

Kata majmuk ialah satu bentuk kata dalam Bahasa Melayu. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1994 : 73), proses pemajmukan ialah proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu. Kata majmuk bertindak sebagai satu unit dan dieja secara terpisah dan bentuknya tidak boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerima sebarang penyisipan luar. Contoh : jalan raya, terima kasih, Perdana Menteri, mata pelajaran, manis mulut.

Penguasaan kata majmuk penggunaan Bahasa Melayu akan menjadi semakin kukuh lagi, jika penerapan penggunaan kata majmuk itu dilakukan dengan kerap dan berkesan. Ini bermakna bahawa dua teori pembelajaran bahasa perlu dimanfaatkan sekali gus. Kedua-dua teori yang dimaksudkan ini ialah teori pembelajaran interaksionalis (Halliday) dan teori pembelajaran fungsionalis (Halliday) manakala pendekatannya pula pendekatan komunikatif.

Pendekatan komunikatif melihat bahasa sebagai alat perhubungan yang menunjukkan makna dan penggunaan bahasa memainkan peranan penting (Brumfit dan Johnson: 1985). Matlamat pengajaran kata majmuk mengikut pendekatan komunikatif ialah untuk membentuk apa yang dimaksudkan oleh Hymes (1972) sebagai "keupayaan komunikasi".

1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat ramai pengguna bahasa Melayu terutama murid-murid masih keliru tentang lisan dan penulisan kata majmuk. Murid-murid masih menulis dalam bentuk yang salah. Fenomena ini wujud disebabkan murid-murid masih kurang jelas tentang konsep kata majmuk dan sering kesilapan berlaku dari segi cara sebutan dan penulisan kata ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara faktor penyumbang fenomena ini adalah kerana terdapat perubahan yang berlaku antara buku Tatabahasa Dewan Jilid II dan dengan Tatabahasa Dewan Edisi Baharu tentang bilangan kata majmuk yang telah mantap, yang kedua-duanya ditulis oleh Nik Safiah Karim. Tatabahasa Dewan Jilid 2 (1989 : 35) - 29 perkataan dan Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1994 : 75) - 33 perkataan.

Proses penterjemahan yang terikat pada dasar "satu kata kepada satu kata" sering menimbulkan masalah. Dasar ini menyebabkan kata majmuk yang sepatutnya ditulis secara terpisah telah ditulis berangkai. Contohnya : terimakasih ('thanks')

Kekeliruan juga timbul dalam proses pengimbuhan kata majmuk. Asmah Hj. Omar menyarankan supaya proses pengimbuhan kata majmuk diwujudkan dengan dua cara itu:

(i) Dengan menyambung unsur-unsur yang terlibat.

(ii) Dengan meletakkan sempang antara unsur-unsur yang terlibat.

Kewujudan peraturan-peraturan penulisan kata majmuk serta kekecualian tertentu sering kali mendatangkan masalah dan mengelirukan murid-murid.

Jika ditinjau keadaan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di sekolah, tidak dapat dinafikan hakikat bahawa masalah yang dihadapi oleh mereka bukan mudah untuk diatasi. Umumnya, murid-murid di dalam sesebuah kelas menguasai Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu pada tahap yang berbeza. Ada murid-murid yang cekap berbahasa dan ada juga sebaliknya. Sesetengah kelas pula bukan sahaja terdiri daripada murid-murid bahasa pertama, tetapi bahasa kedua juga. Murid-murid Melayu sendiri, terdiri daripada murid-murid bahasa pertama tetapi bahasa kedua juga. Murid-murid Melayu sendiri, misalnya terdiri daripada mereka yang dialek daerahnya berbeza. Keadaan ini bukan mudah ditangani oleh guru. Keadaan bertambah sukar lagi jika guru tersebut terpaksa pula mengajar di beberapa buah kelas yang di dalam setiap kelas jumlah muridnya banyak.

Di samping itu, terdapat beberapa peraturan mengenai cara menulis kata majmuk. Dalam perkara ini banyak sekali kekeliruan dalam kalangan pengguna. Antara beberapa contoh kesalahan kata majmuk yang kerap dilakukan oleh murid-murid adalah seperti yang berikut :

Salah	**Betul**
ibu-bapa	ibu bapa

Kekeliruan murid-murid dalam perkara ini berpunca daripada kelemahan mereka menguasai peraturan bahasa Melayu dalam aspek tertentu. Terdapat ramai murid-murid yang tidak cuba memahami peraturan pengguna kata majmuk.

Adalah tidak diragui bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perkara ini berleluasa dan faktor utama tentulah sikap-sikap murid-murid itu sendiri. Sesetengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid-murid ternyata tidak begitu mengambil berat tentang kata majmuk dan menganggap perkara ini kurang penting. Sebagai bukti, beberapa kesalahan ejaan dan penulisan kata majmuk yang telah dibetulkan oleh guru semasa menyemak kerja bertulis murid-murid didapati masih berulang. Kesilapan itu masih dilakukan dalam latihan yang berikutnya dan sikap murid-murid yang ingin menyiapkan sesuatu tugasan secepat mungkin menyebabkan perkara yang sedemikian berlaku. Golongan ini ternyata tidak mendisiplinkan diri mereka dan tidak menyemak semula tugasan yang dihasilkan itu. Dengan demikian, aspek kesilapan kata majmuk dalam penulisan dan berkomunikasi terjadi kerana kecuaian murid-murid itu sendiri.

Tidak dinafikan juga bahawa kebanyakan murid-murid tidak memiliki pengetahuan yang kukuh tentang peraturan kata majmuk seperti yang tercatat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu. Oleh hal yang demikian terdapat sesetengah murid-murid yang menulis dan berkomunikasi dengan kata majmuk atas dasar kemunasabahan. Oleh itu, sikap-sikap sedimikian menyebabkan berlakunya bentuk kesalahan ejaan atau penulisan kata majmuk.

Berdasarkan orientasi Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum (BMMK), guru adalah dikehendaki menitikberatkan aspek bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Realitinya ialah perkara ini tidak dilaksana dengan berkesan. Kebanyakan guru mata pelajaran bukan Bahasa Melayu tidak begitu mengambil berat soal ejaan dan sebutan kata majmuk dan hal itu adalah lanjutan daripada sikap guru sendiri yang tidak peka terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan kata majmuk. Situasi sebegini secara tidak langsung memberi peluang kepada murid-murid melihat bahawa aspek kata majmuk adalah suatu perkara kecil dan tidak perlu diberi perhatian. Tanggapan negatif ini tidak memungkinkan masalah kesalahan sebutan dan penulisan kata majmuk dapat diatasi. Oleh itu, ketidakberkesanan orientasi BMMK merupakan perkara penting yang menyebabkan perkara ini berleluasa di kalangan murid-murid.

Kemerosotan pencapaian murid-murid khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu biasanya dikaitkan dengan kualiti dan kuantiti guru-guru. Kaedah pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran sekolah, latar belakang murid-murid, minat dan kecenderungan ibu bapa serta hal-hal lain yang berkaitan turut menyumbang dalam masalah ini.

Kemungkinan murid-murid mempunyai pengetahuan tentang kata majmuk tetapi mengguna Bahasa Melayu di tahap minima oleh itu ini mempengaruhi kualiti dan prestasi Bahasa Melayu murid-murid.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan Kajian ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Mengkaji tahap penguasaan lisan dan cara penulisan kata majmuk di kalangan murid-murid.
2. Mengukur pemahaman murid-murid tentang kata majmuk melalui ujian berdasarkan beberapa perkataan yang ditetapkan.
3. Mengenal pasti daerah kelemahan cara sebutan dan penulisan kata majmuk.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Apakah kekerapan (frekuensi) kesalahan penulisan kata majmuk yang dilakukan murid-murid?
2. Apakah jenis bentuk atau aspek kesalahan penulisan kata majmuk yang paling ketara dalam kajian?
3. Sejauh manakah tahap penguasaan murid-murid terhadap penggunaan kata majmuk setelah mengikuti pengajaran secara komunikatif?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran kata majmuk ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang tahap penguasaan murid-murid dalam berkomunikasi dan penulisan kata majmuk. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesedaran kepada murid-murid tentang pentingnya menulis dan berkomunikasi dengan mengguna kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya yang gramatis dengan berkesan. Pendekatan komunikatif menyarankan supaya murid-murid diberi peluang menggunakan kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya dalam konteks dan situasi sosial tertentu di dalam kelas.

Kajian ini juga dapat membantu guru mendedahkan kepada murid-murid bahawa penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya mempunyai kaitan dengan aktiviti lisan dan penulisan Bahasa Melayu. Selama ini, murid-murid kabur tentang hubungkait di antara pengajaran dan pembelajaran tatabahasa terutama kata majmuk dengan aktiviti-aktiviti penulisan dan lisan Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan di dalam bilik darjah boleh membantu guru-guru Bahasa Melayu mendapatkan maklum balas yang lebih tepat dan dapat memanfaatkan dalam pengajaran mereka secara efektif.

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi maklumat tentang keberkesanan penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, kajian ini penting terutama dalam proses peningkatan kualiti bahasa dari segi komunikasi dan penulisan. Maklumat-maklumat yang diperoleh dapat menjadi garis panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu dan pihak pentadbir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah untuk merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih berkesan. Dengan adanya perancangan yang rapi dan penggunaan kaedah yang berkesan, diharapkan pencapaian dan kemahiran berbahasa murid-murid dapat dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pihak pentadbir sekolah supaya dapat membekalkan pengetahuan dan memberi kursus tentang penggunaan pendekatan komunikatif kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi membolehkan mereka mempraktikkan pendekatan komunikatif dengan berkesan di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini juga berguna kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam merangka program untuk keperluan peningkatan professionalisme guru-guru dan merancang pelbagai kursus yang berkaitan.

Maklumat-maklumat yang dikumpul dalam kajian ini boleh dimanfaatkan oleh para pembuat polisi dan para perancang dalam bidang pendidikan untuk menyemak semula serta memperbaiki kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah terutama menengah rendah, program pendidikan guru dan program-program penilaian pendidikan supaya ia akan menjadi lebih bermakna dan lebih relevan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak Biro Buku Teks pula boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan merancang dan menerbitkan buku-buku teks Bahasa Melayu untuk sekolah menengah terutama menengah rendah yang memenuhi syarat-syarat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah rendah. Bahan-bahan dan aktiviti-aktiviti berbentuk komunikatif wajar diperbanyakkan dan divariasikan.

Seterusnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit buku teks pula boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan menerbitkan bahan-bahan bacaan dan rujukan untuk guru-guru Bahasa Melayu.

Diharapkan kajian ini dapat menjadi sebagai titik mula kepada kajian-kajian lanjutan. Hasil dapatan kajian ini hanya terhad di kawasan kajian dijalankan. Gambaran yang lebih menyeluruh boleh didapati jika kajian-kajian lanjutan dilaksanakan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada batasan kajian seperti berikut, iaitu:

1.6.1 Populasi Kajian

Kumpulan sasaran yang menjadi responden kepada kajian ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan Dua A 1, Tingkatan Dua A 2 dan Tingkatan Dua A 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah, Perak. Keseluruhan populasi murid-murid Tingaktan Dua A 1, Tingkatan Dua A 2 dan Tingkatan Dua A 3 di sekolah tersebut telah dijadikan responden soal selidik kajian. Manakala ujian sebelum dan ujian selepas tentang kata majmuk hanya tertumpu kepada sebuah kelas Tingkatan Dua iaitu Tingkatan Dua A 3 sahaja.

Pemilihan murid-murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah sebagai populasi kajian dibuat, memandangkan masih terdapat ramai murid-murid belum mencapai tahap pencapaian bahasa Melayu dari segi komunikasi dan penulisan yang memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Lokasi

Kajian ini melibatkan sebuah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah yang terletak di pinggir bandar Batu Gajah, Perak.

1.6.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian adalah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya yang difokuskan kepada meninjau pandangan responden terhadap amalan orientasi pendekatan komunikatif dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Data-data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dikumpul berdasarkan kepada pandangan responden kajian terhadap item-item dalam soal selidik yang diedarkan serta ujian sebelum dan ujian selepas.

1.6.4 Alat Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengguna kaedah tinjauan. Alat yang digunakan ialah ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik. Ujian sebelum ialah ujian menguji pemahaman murid tentang penulisan kata majmuk tanpa mengaplikasi pendekatan komunikatif. Manakala ujian selepas adalah ujian yang sama tetapi murid-murid dibenarkan mengaplikasikan pendekatan komunikatif dalam proses pembelajaran untuk mendapat jawapan yang tepat. Selain daripada itu, soal selidik juga digunakan bagi menyokong atau mengukuhkan hasil ujian sebelum dan ujian selepas. Oleh sebab adanya kekangan masa dan tenaga, penyelidik tidak menggunakan kaedah pemerhatian.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa yang lazim digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama. Menurut Ismail Hussein (1980), Bahasa Melayu mempunyai sejarahnya sejak beratus-ratus tahun yang lalu, iaitu dari zaman kerajaan Melayu Seri Wijaya dalam abad yang ketujuh masihi. Pada masa itu Bahasa Melayu dikenal sebagai bahasa yang maju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehingga berkembang menjadi bahasa lingua franca dalam abad-abad kedatangan bangsa-bangsa Eropah ke Nusantara. Menjelang tarikh kemerdekaan Malaysia, Bahasa Melayu telah dimaktubkan ke dalam Perlembagaan Malaysia (1979), Perkara 152 (1) yang berbunyi, *"The national language (of Malaysia) shall be the Malay language."* Selain daripada itu bahasa Melayu jua merupakan bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah dalam Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan (Awang Mohamad Amin, 1992 : 28).

1.7.2 Tatabahasa

Tatabahasa ialah peraturan sistem bahasa sama ada bahasa pengucapan ataupun bahasa penulisan. Pada dasarnya tatabahasa meliputi hal ehwal perkataan (morfologi) dan hal ehwal penggunaan serta susunan perkataan untuk membina rangkai kata dan ayat (sintaksis). Morfologi Bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam Bahasa Melayu. Struktur ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

1.7.3 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif telah digunakan untuk menghuraikan bentuk sukatan pelajaran dan juga kaedah pengajaran bahasa. Pendekatan ini melihat bahasa sebagai alat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perhubungan yang menumpukan makna dan penggunaan bahasa memainkan peranan penting (Brumfit dan Johnson, 1985).

Pendekatan komunikatif melibatkan aktiviti berkomunikasi menggunakan bahasa itu, di samping turut menitik beratkan faktor-faktor mental atau kognitif dan sosio budaya yang mempengaruhi kecekapan berbahasa dan kecekapan berkomunikasi seseorang itu. Apa yang dipentingkan dalam pendekatan komunikatif adalah seseorang itu harus sedar tujuan ia belajar dan kemudian mengaplikasikannya dalam sesuatu situasi yang diyakini keberkesanannya (Kamaruddin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997: 112 dan 113).

Pendekatan ini meneliti bahasa sebagai aspek komunikasi di samping memberi penekanan kepada lain-lain aspek yang tersebut di atas. Ahli-ahli komunikatif juga turut menimbangkan semua aspek psikolinguistik, iaitu cara pemilihan bahasa dan juga aspek sosiolinguistik atau interaksi untuk perhubungan kemasyarakatan. Di samping itu, pendekatan ini turut memberi penekanan kepada semua aspek linguistik termasuk juga aspek paralinguistik yang melibatkan pergerakan semasa pertuturan seperti gerak bibir, mimik muka, goyangan tangan dan sebagainya (Kamaruddin Hj Husin, Siti Hajar Hj Abdul Aziz, 1997 : 113).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.4 Pengajaran

Bloom (1959) mendefinisikan pengajaran sebagai proses yang membawa perubahan kepada pembelajaran. Fatimah (1986), pula menjelaskan pengajaran sebagai pengalaman kemahiran dan nilai pertumbuhan dan perkembangan seseorang pelajar secara sedar. Bagi Page dan Thomas (1978), pengajaran ialah suatu proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran kepada pihak lain. Dalam konteks kajian ini, pengajaran adalah suatu proses pengetahuan atau kemahiran supaya berlaku perubahan kepada proses pembelajaran.

1.7.5 Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bruno (1986) memberikan definisi pembelajaran sebagai satu proses yang melibatkan perubahan yang hampir kekal kepada kecenderungan tingkah laku yang terhasil daripada satu pengalaman. Crow dan Crow (1983 : 263) menghuraikan pembelajaran sebagai satu proses yang cergas yang perlu dirangsang dan dibimbing ke arah matlamat yang diingini. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku yang dialami oleh seseorang murid hasil daripada interaksi dengan persekitaran atau daripada pengalaman silam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.6 Pencapaian sederhana

Pencapaian markah antara 40 - 69 dalam keputusan peperiksaan Akhir Tahun 2003. Murid-murid tersebut lulus dan mendapat gred C dan D.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Pembicaraan bab ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama akan membicarakan Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dan bahan-bahan literatur yang berkaitan dengan kajian ini. Bahagian ini juga akan membicarakan teori-teori pembelajaran bahasa dari pandangan ahli-ahli bahasa yang kemudiannya dihubungkan dengan pendekatan komunikatif dari segi konsep, ciri prinsip dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti interaktif. Bahagian kedua pula akan ditumpukan kepada pembicaraan kajian-kajian berkaitan yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi

Bahasa merupakan alat komunikasi yang sangat penting dalam kehidupan kita. Melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak maklumat, memahami orang lain dan sebagainya. Semakin baik penguasaan seseorang itu terhadap kemahiran-kemahiran bahasa, semakin tinggi keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan sama ada secara lisan, bacaan ataupun penulisan. Walau bagaimanapun, hubungan secara lisan didapati lebih berkesan dan meluas. Ini disebabkan seseorang itu berupaya berhubung secara terus dan mampu mendapat maklum balas dengan segera asalkan kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar, bertutur menggunakan bahasa yang sama.

Negara kita Malaysia, mempunyai masyarakat yang majmuk. Di Malaysia barat, orang-orang Melayu, Cina dan India merupakan kumpulan etnik yang terbanyak. Bilangan kumpulan etnik di Malaysia timur lebih banyak dan tiap-tiap satunya menggunakan bahasa etnik masing-masing untuk berhubung antara mereka. Pelbagai bahasa yang wujud di Malaysia berasal dari rumpun yang berbeza antara satu sama lain. Bagi negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang bahasa, terpaksa mengatasi masalah bahasa dengan memilih hanya satu bahasa sahaja yang dapat digunakan sebagai bahasa pengantar oleh semua penduduknya. Hal ini penting untuk menjamin perpaduan dan keharmonian rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, kita telah memilih Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, iaitu bahasa yang melambangkan identiti kita dan kedaulatan negara kita. Pemilihan ini dilakukan mengikut peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan Tanah Melayu serta dengan mengambil kira faktor-faktor sejarah.

Bahasa Melayu telah hampir empat dekad mencapai taraf bahasa kebangsaan. Pada usia tersebut, Bahasa Melayu telah berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam konteks masyarakat di Malaysia. Penggunaan Bahasa Melayu telah menyemai semangat persefahaman, bekerjasama, bersatu padu, muhibah, toleransi dan sebagainya antara kaum yang tinggal di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun peranan Bahasa Melayu telah nampak jelas, sesuatu perancangan yang rapi wajar diatur agar lebih ramai rakyat dapat bertutur dan memahaminya dengan lebih berkesan. Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia perlu diberi galakan supaya dapat mempertingkatkan mutu penguasaan Bahasa Melayu masing-masing. Justeru itu, rakyat Malaysia dapat bertutur dan berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu baku. Kesedaran dan keinsafan juga perlu diberikan kepada golongan yang masih mengagung-agungkan bahasa Inggeris dan terus berkomunikasi dengan bahasa tersebut. Sikap cintakan Bahasa Melayu dan bahasa kebangsaan perlu disemat di jiwa setiap rakyat Malaysia agar Bahasa Melayu terus subur dan berkembang maju seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar di sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi. Kurikulum Bahasa Melayu didapati memfokus kepada pengetahuan daripada kemahiran berkomunikasi penggunaan Bahasa Melayu secara meluas. Sistem pendidikan Malaysia juga amat menitikberatkan peperiksaan. Oleh itu Bahasa Melayu diajar untuk lulus peperiksaan awam sebagai petunjuk mahir dalam Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu juga tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas tentang kemahiran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan.

Untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, seeseorang guru haruslah sentiasa menentukan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran menarik, mencabar dan berkesan supaya potensi dan kebolehan murid-murid dapat diperkembangkan secara menyeluruh dan seimbang. Dalam hubungan ini, strategi yang sesuai perlu diadakan untuk merancang aktiviti dalam bilik darjah.

Berdasarkan ini, pendekatan komunikatif difikirkan amat sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia bersifat menyeluruh dan menekankan penguasaan komunikasi, di samping penguasaan struktur bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Teori-teori Pembelajaran Bahasa

Pada umumnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa ada terdapat empat teori penting yang berhubung dengan pembelajaran. Pertama ialah teori pembentukan kebiasaan, kedua teori pembelajaran kod-kognitif, ketiga teori pembelajaran fungsionalis dan keempat teori pembelajaran interaksionalis.

2.3.1 Teori Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan

Teori pembelajaran bahasa ini menganggap pembelajaran bahasa sebagai satu kegiatan mekanis iaitu sebagai satu aktiviti fizikal semata-mata. Teori ini menganggap faktor-faktor persekitaran sebagai persekitaran sebagai rangsangan dan respon organisma pada rangsangan itu sebagai gerak balas. Teori ini berusaha mengemukakan bahawa tingkah laku adalah ditentukan oleh faktor-faktor luaran seperti ganjaran yang mengukuhkan hubungan rangsangan dan gerak balas. Teori pembelajaran ini memakai model berikut:

Latihan yang dikukuhkan ⟶ Pembelajaran ⟶ Perubahan tingkah laku

Pelbagai contoh dalam kehidupan yang dilakukan oleh manusia menggunakan model tersebut untuk menguasai sesuatu pembelajaran misalnya menghafaz puisi, menguasai perbendaharaan kata dan sebagainya. Mengikut teori ini, perancangan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam satu-satu pengajaran adalah penting. Ia harus dapat mempastikan jenis perlakuan baru yang hendak dicapai oleh murid-murid dan boleh menyediakan persekitaran pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, teori ini menegaskan latihan dan latih tubi pola untuk membentuk satu kebiasaan baru pada murid-murid.
Menurut Bloomfield (1933). 'Penguasaan satu-satu bahasa bukanlah satu hal pengetahuan, iaitu adalah satu hal latihan'.

Mengikut pendapat teori ini latihan pembelajaran ialah latihan yang dikukuhkan. Latihan itu ialah ulangan satu-satu gerak balas yang dikaitkan dengan satu-satu rangsangan. Latihan hendaklah bermakna, jika tidak ia akan membosankan murid-murid. Sesuatu pembelajaran itu akan kekal, jika ia diuruskan dengan baik.

Teori ini juga menekankan kepada kemahiran lisan. Kemahiran mendengar dan bertutur ini penting kerana mempunyai pertalian yang rapat dan mudah dikuasai daripada aktiviti membaca dan menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Teori Pembelajaran Kod-kognitif (Piaget)

Teori pembelajaran kod-kognitif melihat pembelajaran bahasa sebagai satu proses pemikiran iaitu aktiviti mental yang menunjukkan kebolehan bahasa manusia secara semula jadi. Teori ini menitikberatkan struktur bahasa kerana ia memudahkan pembelajaran dan penguasaan bahasa.

Teori kod-kognitif ini menitikberatkan pengetahuan dan kesedaran tentang pola-pola sintaksis dan leksikal. Dalam pembelajaran bahasa, pemahaman murid-murid tentang struktur-struktur bahasa dan meghafaz peraturan-peraturan tatabahasa adalah ditekankan.

2.3.3 Teori Pembelajaran Interaksionalis (Halliday)

Teori ini melihat pembelajaran bahasa sebagai alat berinteraksi dan ia merupakan satu proses melibatkan mental dan linguistik. Teori ini mementingkan proses pembentukan hipotesis mengenai undang-undang bahasa dalam sesuatu proses pembelajaran bahasa itu. Justeru itu, seseorang murid boleh menggunakan struktur-struktur bahasa yang betul dari segi tatabahasa dan makna. Ini tidak secara langsung membolehkan murid-murid berkomunikasi dalam bahasa masyarakat itu dengan baik dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pembelajaran bahasa, teori ini mencadangkan supaya guru-guru memberi banyak latihan kepada murid-murid. Meskipun pada dasarnya teori ini berpendapat bahawa penyampaian makna itu lebih penting daripada struktur bahasa namun kedua-dua makna dan struktur wajib berjalan serentak. Cara ini dapat membantu murid-murid menggunakan sistem bahasa yang dipelajarinya itu dengan betul.

Mengikut teori ini, aktiviti-aktiviti bahasa yang bermakna dan menarik adalah mustahak difikirkan kerana membolehkan murid-murid berusaha menguasai dan memperbaiki peraturan bahasa dan berkebolahan untuk menggunakannya dengan fasih dan lancar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Teori Pembelajaran Fungsionalis (Halliday)

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998 : 46) ahli-ahli bahasa teori pembelajaran fungsionalis mengkaji bahasa dari segi struktur dan fungsi. Ini bermaksud mereka mementingkan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi.

Menurut teori ini, bahasa mempunyai tiga fungsi:

(a) Bahasa menyampaikan idea : Kita berfikir dan mencuba berkongsi pandangan dan pendapat dengan orang lain melalui bahasa. Secara umum ini disebut sebagai fungsi kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Bahasa menyampaikan maklumat : Bahasa mempunyai keupayaan untuk menyampaikan maklumat mengenai penutur. Apabila seseorang itu bercakap sama ada dia suka atau tidak, secara tidak disedarinya dia telahpun menyampaikan maklumat tentang dirinya.

(c) Bahasa menyampaikan partisipasi kita dalam proses berkomunikasi. Ini bermakna bahasa itu digunakan untuk tujuan berinteraksi.

2.4 Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif

Pada tahun 60-an, pengajaran bahasa secara pendekatan komunikatif telah mengambil tempat pengajaran bahasa secara tradisi di negara Britain. Pada tahun-tahun sebelum itu, Pengajaran Bahasa Situasi telah memain peranan utama dalam pengajaran bahasa kedua. Oleh kerana Pengajaran Bahasa Situasi telah menerima kritikan, maka ahli linguistik terapan Bahasa Inggeris telah mengalih pandangan kepada pengajaran bahasa secara fungsional dan komunikatif.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1999 : 41) antara ahli-ahli bahasa yang mempelopori pendekatan komunikatif adalah H.G. Widdowson (1979), C.J. Brumfit (1979), K.Johnson (1979) dan W. Littlewood (1981). Mereka sedar bahawa mengajar struktur bahasa sahaja tidak mencukupi kerana tidak boleh menjamin murid-murid boleh berkomunikasi dengan berkesan. Kecekapan berbahasa dan berkomunikasi itu harus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menitikberatkan unsur-unsur lain yang boleh mempengaruhinya seperti faktor-faktor sosiolinguistik, psikolinguistik dan paralinguistik.

Kamarudin Hj. Husin (1988 : 85) berpendapat bahawa pendekatan komunikatif menyarankan supaya murid-murid diberi peluang menggunakan bahasa itu dalam konteks dan situasi sosial tertentu di dalam kelas. Mereka didedahkan kepada kecekapan sosiolinguistik iaitu pengetahuan peraturan penggunaan bahasa. Ini penting kerana penggunaan bahasa itu akan lebih betul dan bermakna sifatnya jika ujaran itu sesuai dengan situasi bahasa itu digunakan. Oleh itu guru mestilah mewujudkan situasi sebenar di dalam kelas yang memerlukan murid-murid berkomunikasi sesama mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pendapat Kamarudin Hj. Husin (1988 : 85) pendekatan komunikatif ini juga meminta guru-guru mengajarkan struktur-struktur bahasa yang betul kepada murid-murid mereka. Murid-murid perlu tahu peraturan-peraturan bahasa untuk membolehkan mereka berbuat demikian. Pengetahuan ini memungkin lagi keupayaan berbahasa mereka.

Richards dalam Kamarudin Hj Husin (1993 : 44) berpendapat pengajaran bahasa secara komunikatif merupakan suatu teori ekletik yang mempunyai ciri-ciri berikut:

(a) Bahasa ialah suatu sistem untuk pernyataan perasaan.

(b) Fungsi utama bahasa ialah untuk berinteraksi dan berkomunikasi.

(c) Struktur bahasa menjelaskan kegunaan fungsian dan komunikatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(d) Unit-unit utama bahasa bukan hanya tatabahasa dan ciri-ciri strukturalnya tetapi juga kategori makna fungsian dan komunikatif seperti yang terdapat dalam sesuatu wacana.

Juriah Long dan rakan-rakan (1992 : 66) berpendapat pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan bahasa (tatabahasa), tetapi juga bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan menggunakan unsur-unsur bahasa yang dipelajari dalam konteks yang sebenarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Littlewood dalam Tunku Mohani Tuinku Mohtar (1994 : 19) merumuskan komponen-komponen asas pengajaran bahasa secara komunikatif seperti dalam rajah 2.1 berikut:



Rajah 2.1 Komponen Asas Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif

Sumber : Littlewood, W.T. 1984

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Ciri-ciri pendekatan komunikatif

Kamaruddin Hj. Husin (1988 : 85) telah menyenaraikan ciri-ciri pendekatan komunikatif berdasarkan pendapat Finnoccgiaro dan Brumfit (1983). Antaranya ialah:

(a) Makna adalah sangat dipentingkan.

(b) Dialog jika digunakan tertumpu kepada fungsi komunikatif dan bukan untuk dihafaz.

(c) Konteks dan situasi adalah sangat dipentingkan.

(d) Pembelajaran bahasa hanyalah adalah belajar untuk berhubung.

(e) Latih tubi boleh berlaku tetapi tidak digalakkan.

(f) Pengucapan bahasa hanyalah perlu setakat untuk difahami sahaja.

(g) Apa sahaja alat yang boleh membantu murid-murid diterima asalkan ia sesuai dengan umur, minat dan sebagainya.

(h) Percubaan-percubaan untuk berkomunikasi digalakkan dari awal.

(i) Penggunaan bahasa ibunda secara bijaksana diterima di mana-mana yang mungkin.

(j) Terjemahan boleh digunakan dengan syarat murid-murid dapat faedah daripadanya.

(k) Keupayaan berkomunikasi adalah matlamat pembelajaran.

(l) Bahasa dicipta oleh individu biasanya melalui proses cuba dan ralat.

(m) Kelancaran dan bahasa yang boleh diterima menjadi matlamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketepatan diadili bukan dalam abstrak tetapi dalam konteks.

2.4.2 Prinsip-Prinsip Penggunaan Pendekatan Komunikatif

Kamaruddin Hj. Husin (1988 : 85) telah menyenaraikan prinsip-prinsip penggunaan Pendekatan Komunikatif berdasarkan pendapat Keith Morrow (1981). Antaranya ialah :

(a) Murid harus mengenal dan mengetahui tujuan dan objektif semua latihan serta aktiviti yang melibatkan mereka.

(b) Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, bahasa boleh dibahagikan kepada komponen-komponen kecil dan komponen-komponen ini boleh diajar secara berasingan.

(c) Matlamat pendekatan ini adalah memperoleh kecekapan berkomunikasi. Oleh kerana itu kaedah mengajar bahasa hendaklah diasaskan kepada cara atau proses komunikasi sebenar. Untuk menggalakkan aktiviti komunikasi beberapa perkara harus diberi perhatian:

i. Jurang maklumat : Komunikasi bertujuan untuk menghapuskan jurang maklumat tersebut.

ii. Pilihan : Komunikasi perlukan mereka yang terlibat dalam komunikasi itu memilih apakah idea yang hendak dihasilkan dan bentuk linguistik yang bagaimana sesuai untuk menyatakan idea tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Maklum balas : Komunikasi memerlukan dua orang terlibat. Biasanya orang yang mendengar percakapan akan bertindak balas untuk memenuhi hasrat si penutur. Dalam berkomunikasi, taktik melibatkan penggunaan bahasa seperti amat penting. Apabila ada interaksi antara kedua-dua orang tadi barulah komunikasi.

(d) Aktiviti-aktiviti komunikatif hendaklah diperbanyak dan dipelbagaikan. Aktiviti yang berbagai-bagai ini biasanya menarik minat murid dan secara tidak langsung.

(e) Murid-murid hendaklah belajar dalam satu situasi yang menyerupai keadaan sebenar. Konteks dan situasi-situasi tertentu hendaklah diwujudkan.

(f) Struktur bahasa adalah sangat penting dalam komunikasi. Kesilapan struktur perlulah dibetulkan tetapi harus dilakukan secara berperingkat-peringkat.

(g) Sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan haruslah boleh menimbulkan keinginan bagi sesuatu pihak untuk berhubung. Dengan hal ini, komunikasi akan lebih bermakna.

(h) Sesuatu aktiviti mestilah dijalankan oleh murid itu sendiri, tanpa campur tangan guru. Ini bermakna murid bebas menggunakan bahasa sendiri kerana adanya kelonggaran seperti itu.

(i) Tugasan adalah penting bagi pendekatan komunikatif. Setiap tugasan yang diberi harus dapat diselesaikan dengan baik. Tugasan mestilah menjadi tempat bergantung murid sesama sendiri. Di sini mereka mendapat maklumat dan daripada keperluan mendapatkan maklumat inilah mereka dapat berkomunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Peranan Bahasa Murid-Murid, Guru dan Bahan

Pendekatan komunikatif mementingkan kemahiran berkomunikasi kepada murid-murid. Ini bermakna bahasa yang digunakan di dalam bilik-bilik darjah hendaklah sesuai dan berkaitan dengan kehidupan sehari-hari dan diaplikasikan dalam keadaan-keadaan yang sesuai. Persekitaran pembelajaran pendekatan komunikatif memerlukan satu perhubungan di antara bahasa yang dipelajari, proses berinteraksi dan bahan serta keperluan tugasan.

Dalam pendekatan komunikatif, bahasa yang dipelajari adalah penting kerana untuk berkomunikasi. Melalui bahasa yang sesuai, murid-murid boleh bertukar-tukar dan membincangkan pendapat dan maklumat. Murid-murid akan mempelajari bahasa secara beransur-ansur. Lazimnya, melalui tugasan yang diberi murid-murid berpeluang bermain dengan perkataan-perkataan untuk berkomunikasi dan berinteraksi.

Menurut sumber pertama Kamaruddin Hj. Husin (1999) matlamat pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif ini ialah untuk membentuk apa yang dimaksudkan oleh Hymes (1972) sebagai 'keupayaan berkomunikasi'. Bahasa itu dipelajari bukan untuk mendapatkan kemahiran berbahasa tanpa melakukan kesalahan menggunakan bahasa itu, tetapi bahasa itu dicipta oleh individu-individu dalam kumpulan itu melalui proses cuba-jaya. Apa yang dipentingkan ialah kelancaran berbahasa dan penggunaan bahasa yang boleh diterima. Ketepatan menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa tidak diukur melalui sesuatu petikan yang terasing tetapi dilihat penggunaannya dalam konteks.

Dalam pembelajaran komunikatif berlaku proses interaksi. Menurut Kamaruddin Hj Husin (1999), interaksi itu harus lebih bermakna dan bukan hanya setakat bertutur sahaja. Ini harus berdasarkan sesuatu tugasan dan murid-murid diminta berkomunikasi untuk menyelesaikan masalah secara terbaik daripada tugasan itu.

Been dan Candlin (1980) menerangkan peranan murid-murid seperti berikut:

> *The role of learner as negotiator - between the self, the learning process, and the object of learning-emerges from an interacts with the role of joint negotiator within the group and within the classroom procedures and activities which the group undertakes. The implications for the learners is that he should contribute as much as he gains and thereby learn in an interdependent way.*

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1999) kenyataan di atas menjelaskan bahawa murid-murid mempunyai hubungan yang erat di antara satu sama lain. Murid-murid berperanan sebagai perunding sesama mereka. Murid-murid dikehendaki memberi sumbangan dan belajar dengan cara saling tolong menolong di antara satu sama lain. Pembetulan kesalahan tidak perlu terlalu kerap dilakukan. Murid-murid harus menyedari bahawa kegagalan berkomunikasi bukanlah tanggungjawab penutur atau pendengar tetapi adalah tanggungjawab bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kamarudin Hj Husin (1999), guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif. Been den Candlin (1980) telah menerangkan peranan guru seperti berikut:

> *The teacher has two main roles: the First role is to facilitate the communication process between all the participants in the classroom, and between these participants and the various activities and texts. The second role is to act as an independent participant within the learning teaching group. The latter role is closely related to the objectives of the first role and arises from it. These roles imply a set of secondary roles for the teacher : first, as an organizer of resources and as a resource himself, second as a guide within the classroom procedures and activities ... A third role for the teacher is that of researcher and learner, with much to contributes in terms of appropriate knowledge and abilities, actual and observed experiences of the nature of learning and organizing capacities.*

Berdasarkan kenyataan di atas, Been dan Candlin telah menyenaraikan peranan guru iaitu sebagai penganalisis keperluan, sebagai perunding dan sebagai pengurus kumpulan.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1999) sebagai seorang penganalisis keperluan, guru tersebut perlulah bertanggungjawab dalam menentukan dan bertindak balas terhadap keperluan-keperluan mempelajari bahasa itu di kalangan pelajarnya. Ini boleh dilakukan dalam dua bentuk iaitu formal dan secara tidak formal. Sebagai seorang perunding, guru dapat menunjukkan contoh sebagai komunikator yang berkesan yang boleh melihat dengan jelas pandangan dan tujuan penutur dan boleh menjelaskan interpretasi para

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengar. Ini boleh dilakukan melalui penggunaan penghuraian (*para-phrase*), pengesahan (*confirmation*), dan maklum balas (*feedback*).

Sebagai seorang pengurus kumpulan, guru bertanggungjawab merancang, dan menyediakan bilik darjah sebagai latar belakang yang sesuai untuk menjalankan aktiviti berkomunikasi. (Kamarudin Hj Husin, 1999 : 51).

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1999) pelbagai bahan telah digunakan untuk keberkesanan penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Biasanya, bahan-bahan yang dipilih khas untuk pendekatan komunikatif mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses berinteraksi dan penggunaan bahasa. Jack C. Richards dan Theodore S. Rodgers (1986) membahagikan bahan-bahan tersebut ke dalam tiga kategori. Pertama bahan berdasarkan teks, kedua bahan berdasarkan tugasan dan ketiga bahan realia.

2.4.4 Pengelolaan Kumpulan

Menurut Kamarudin Hj Husin (1999 : 54) pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif ini biasanya akan lebih berkesan jika ia dilakukan dalam kumpulan-kumpulan kecil. Membahagikan pelajar dalam kumpulan-kumpulan kecil seperti ini boleh menambah peluang pelajar-pelajar mengambil bahagian dan berkomunikasi dengan cara yang lebih berkesan. Cara ini juga berupaya menjadikan suasana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran bahasa itu lebih menarik dan memikat. Perkara-perkara yang harus diberi perhatian ialah jenis dan bentuk gerakerja kumpulan yang akan dijalankan, struktur dan kandungan kumpulan dan pengurusan kumpulan.

Gerakerja kumpulan boleh dijalankan dalam dua bentuk. Pertama, bentuk 'intrakumpulan' dan yang kedua pula boleh dijalankan dalam bentuk interkumpulan. Lazimnya intrakumpulan memerlukan murid-murid bekerja dalam satu-satu kumpulan tertentu. Ahli-ahli dikehendaki bekerja dalam satu kumpulan tertentu dan berinteraksi di antara satu sama lain. Manakala gerakerja interkumpulan pula memerlukan aktiviti dijalankan antara kumpulan-kumpulan tertentu yang beberapa orang ahlinya diminta menyertai kumpulan lain. Pergerakan ini membolehkan lebih ramai murid dapat bekerjasama dan belajar menghargai sesama mereka.

Kumpulan-kumpulan kecil yang dibentuk bergantung kepada objektif, keperluan serta aktiviti yang akan dijalankan. Bilangan minima bagi setiap kumpulan ialah dua orang ahli. Kumpulan yang dianggap baik mengandungi antara lima hingga enam orang. Kumpulan yang kecil dianggap akan lebih berkesan kerana membolehkan komunikasi berlaku dengan baik. Ahli-ahli dalam kumpulan akan menguasai perbincangan sepenuhnya dan berinteraksi antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Penyelidikan Tentang Pendekatan Komunikatif

Sarjana-sarjana di luar negara telah banyak membuat kajian yang jelas berkenaan dengan pendekatan komunikatif. Kajian-kajian yang telah dijalankan kebanyakan berpusat kepada pelaksanaan pengajaran bahasa secara komunikatif mengikut keadaan dan sistem pendidikan sesebuah negara, kesan pelaksanaan pendekatan komunikatif serta bahan dan aktiviti yang digunakan dalam pendekatan komunikatif.

2.5.1 Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Frohlich dan rakan-rakannya (1985) telah melaksanakan kajian terhadap hubungan antara perlakuan bilik darjah sebenar dengan perkembangan kecekapan komunikatif. Kajian ini dilaksanakan untuk menguji kesahan alat ukur yang dibentuk terhadap kelainan-kelainan orientasi komunikatif dalam tindakan kelas bahasa kedua daripada pelbagai latar. Tiga belas daripada empat program yang berlainan telah dipilih untuk pemerhatian. Antara program-program yang terlibat ialah : program Bahasa Perancis sebagai bahasa pengantar; program penggunaan Bahasa Perancis di dalam beberapa mata pelajaran; program immersi Bahasa Perancis; dan program pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Garis panduan yang digunakan dalam kajian berkenaan mengandungi kategori-kategori yang dipadankan daripada teori-teori kecekapan komunikatif, literatur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran bahasa secara komunikatif, dan juga daripada kajian-kajian terhadap penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua, yang menyarankan faktor-faktor yang dianggap mempengaruhi proses pembelajaran bahasa. Alat ukur yang dibina dikenali sebagai *'Communicative Orientation Language Teaching Scheme'* yang ringkasnya dikenali sebagai 'COLT scheme'.

Hasil kajian mendapati program immersi Bahasa Perancis merupakan program yang paling tinggi pencapaian orientasi komunikatifnya, diikuti oleh program lanjutan Bahasa Perancis dan program Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Manakala program *"Core French"* merupakan pencapaian yang paling rendah.

Suatu kajian yang berdasarkan pemerhatian terhadap pengajaran bahasa secara komunikatif di Thailand telah dilaksanakan oleh Leesatayakun (1988). Beliau membuat kajian ini untuk melihat sejauh mana pendekatan komunikatif telah dilaksanakan dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah menengah Thailand. Sebanyak tiga buah kelas sekolah menengah telah dijadikan sampel kajian. Kaedah pemerhatian penyertaan terhad telah digunakan. Setiap kelas diperhati dalam masa empat jam selama empat minggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian Leesatayakun menunjukkan penggunaan aktiviti-aktiviti yang berbeza, gaya murid-murid dikelola, isi kandungan, dan kemahiran-kemahiran bahasa yang digunakan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas dari segi interaksi lisan antara guru dan murid-murid tentang ciri-ciri komunikatif bahasa sasaran yang digunakan dan jurang maklumat yang berlaku. Seterusnya, hasil kajian beliau menunjukkan wujud kadar penggunaan pendekatan komunikatif yang berbeza di dalam kelas-kelas yang diperhatikan.

Mitchell (1988) telah membuat kajian pelaksanaan pengajaran komunikatif di 20 buah sekolah di Scotland. Beliau telah membuat kajian terhadap Bahasa Perancis di 4 buah sekolah di Scotland. Aktiviti-aktiviti komunikatif yang laksanakan, ciri-ciri bahasa pertuturan guru, strategi komunikatif dan pilihan fungsi yang digunakan telah dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa keberkesanan penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dikaji.

Pada tahun 1991, Sawwan telah membuat kajian terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah menengah Arab di negara Kuwait. Sawwan cuba melihat keselarasan sukatan pelajaran komunikatif *'Crescent English Course'* dengan murid-murid dan guru-guru di Kuwait.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menunjukkan konsep komunikatif yang tidak jelas dan masalah-masalah dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris secara komunikatif kepada masyarakat Arab Kuwait. Sawwan mempersoalkan kedudukan tatabahasa, *'the concept of correctness'*, kedudukan dan nilai kemahiran menulis dan masalah pengujian komunikatif dalam sukatan pelajaran *'Crescent English Course"*.

Carrol (1983) telah membuat penyelidikan tentang ujian komunikatif di England. Beliau telah berpendapat bahawa ujian bahasa komunikatif harus didasarkan kepada; perbezaan dan perkaitan antara bahasa dan komunikatif perbezaan antara kegunaan bahasa dan penggunaan bahasa; tidak terlalu bergantung kepada statistik; saling kebergantungan antara program, tujuan dan ujian; keperluan untuk motivasi murid-murid dan persepsi tugasan; integrasi unsur-unsur subjektif dengan objektif dan penilaian.

Hasil kajian beliau mendapati terdapat perbezaan dari segi aktiviti-aktiviti yang digunakan, cara pelajar diurus, tumpuan isi kandungan, dan kemahiran-kemahiran bahasa yang diamalkan. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi interaksi lisan guru dan pelajar tentang ciri-ciri komunikatif bahasa sasaran yang digunakan dan jurang maklumat yang berlaku. Hasil kajian beliau seterusnya menunjukkan bahawa terdapat kadar penggunaan pendekatan komunikatif yang berlainan dalam kelas-kelas yang diperhatikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini mendapati masih terdapat kekaburan terhadap konsep komunikatif dan kekalutan dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris secara komunikatif dalam masyarakat Arab Kuwait. Seterusnya beliau juga mempersoalkan kedudukan tatabahasa, konsep kebetulan (*the concept of correctness*), kedudukan dan nilai kemahiran menulis dan masalah pengujian komunikatif dalam sukatan pelajaran C.E.C. yang digunakan.

2.6 Konsep Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa bermula daripada satu teori yang menganggap bahasa sebagai satu saluran komunikasi. Matlamat pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini ialah untuk membentuk apa yang dimaksudkan oleh Hymes (1972) sebagai komunikasi.

Pendekatan komunikatif telah digunakan untuk menjelaskan bentuk sukatan pelajaran dan kaedah pengajaran bahasa. Pendekatan ini melihat bahasa sebagai alat perhubungan yang menunjukkan makna dan penggunaan bahasa memainkan peranan penting (Brumfit dan Johnson, 1985).

Pendekatan komunikatif mula berkembang pada tahun tujuh puluhan sebagai satu tindakan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa yang didasarkan kepada teori-teori pembelajaran sebelum pendekatan komunikatif. Menurut ahli-ahli bahasa yang menunjangi pendekatan ini, pengetahuan tentang struktur bahasa dan kebolehan membina ayat-ayat yang betul sahaja belum boleh menjamin murid-murid dapat berkomunikasi dengan berkesan. Tetapi kemahiran berbahasa dan berkomunikasi itu harus menitikberatkan unsur-unsur lain yang boleh mempengaruhinya seperti faktor-faktor sosiolinguistik, psikolinguistik dan paralinguistik.

Menurut pendekatan komunikatif, tujuan pengajaran bahasa adalah untuk melengkapkan murid-murid dengan kemahiran-kemahiran komunikatif. Menurut Canale dan Swain (1981), kecekapan komunikatif ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berhubung (pengetahuan tentang perbendaharaan kata dan kemahiran menggunakan peraturan sosiolinguistik dalam bahasa), Savignon (1978) pula berpendapat bahawa kecekapan komunikatif ialah kebolehan berfungsi dalam satu situasi komunikatif. Pengetahuan linguistik disesuaikan dengan keseluruhan maklumat yang diberi oleh penutur atau beberapa orang penutur. Bagi Hymes (1971) kecekapan komunikatif ialah apa yang seseorang penutur perlu tahu untuk berhubung dengan berkesan dalam satu konteks kebudayaan. Hubungan yang berkesan memerlukan bukan sahaja ayat yang betul dari segi nahu tetapi juga yang sesuai dalam konteks yang digunakan (Cooper, 1968).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sungguhpun, pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada perhubungan, kepentingan nahu tidak diketepikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kecekapan linguistik itu dianggap sebagai asas dalam kecekapan bahasa.

Menurut Canale dan Swain dalam Tunku Mohani Tunku Mohtar (1994), kecekapan komunikatif merangkumi empat aspek kecekapan.

(a) Kecekapan Sosiolinguistik

Penggunaan bahasa dilihat daripada perspektif peraturan sosial dan kebudayaan. Makna pertuturan itu disesuaikan dengan peraturan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Kecekapan Linguistik

Bahasa dilihat daripada penggunaannya dalam ayat dan penggunaan nahu yang betul.

(c) Kecekapan Strategik

Bahasa digunakan untuk mengatasi masalah apabila perhubungan tidak dapat diteruskan dan juga untuk menambahkan keberkesanan perhubungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(d) Kecekapan Wacana

Nahu dan makna digunakan untuk menghasilkan satu teks (lisan atau bertulis) dalam beberapa bentuk iaitu laporan, cerita, syarahan, ucapan dan lain-lain.

Pendekatan komunikatif juga selari dengan pendapat Halliday (1973) terhadap bahasa. Halliday membentangkan tiga fungsi bahasa untuk rang dewasa. Fungsi ini ialah fungsi "interpersonal", fungsi "identional" dan fungsi "textual". Dalam sesuatu masyarakat, bahasa digunakan untuk berhubung di antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek tugas "ideational", bahasa digunakan untuk melafazkan sesuatu buah fikiran atau perasaan. Tugas "textual" pula berkaitan dengan struktur ucapan. Dalam sesuatu perbualan, ayat yang sesuai dipilih dari segi nahu dan kesinambungan secara logik.

Menurut Tunku Mohani Tunku Mohtar (1994) pengajaran bahasa yang bertujuan untuk mencapai kecekapan linguistik akan menyebabkan sebahagian besar kemahiran komunikatif diabaikan. Pengajaran bahasa untuk mencapai kecekapan komunikatif pula, melibatkan keseluruhan bahagian linguistik. Hanya sebahagian kecil yang terabai. Umpamanya, dalam pengajaran imbuhan, sesuatu ayat itu tidak terjejas jika imbuhan tidak digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai contoh perkataan "memakan" dalam ayat. "Dia memakan nasi sehingga habis," boleh digantikan dengan perkataan "makan". Ayat itu masih betul dari segi nahu dan maknanya tidak berubah.

Mengikut pendapat Tunku Mohani Tunku Mohtar (1994) pendekatan komunikatif telah digunakan dengan meluas dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Melayu juga semakin meluas dan popular terutama sebagai bahasa kedua. Menurut King (1981 : 93).

> ..... *since foreign language and mother tongue teachers are both concern with the same issue, language, then it would seem inevitable that modern linguistics and mother tongue teachers should seek to establish close co-operation and discuss areas of common interest in language* ....

Menurut King, guru-guru yang mengajar bahasa asing dan bahasa ibunda mempunyai minat yang sama, oleh itu ahli linguistik moden dan guru-guru yang mengajar bahasa ibunda sepatutnya bekerjasama dan mewujudkan kerjasama untuk membincangkan beberapa persamaan yang terdapat dalam bahasa pertama dan bahasa kedua. King juga menambah : ..... *They are both concerned with the need to equip children with communicative socially* ..... *(1981 : 83)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan yang dibuat oleh King menegaskan bahawa ahli kedua-dua bahasa pertama dan kedua mengambil berat tentang melengkapkan murid-murid dengan kemahiran komunikatif secara sosial.

Pendekatan komunikatif melihat bahasa dari beberapa sudut:

(a) Bahasa ialah satu sistem untuk melahirkan makna.

(b) Fungsi utama bahasa adalah untuk interaksi dan perhubungan.

(c) Struktur bahasa yang digunakan mempunyai fungsi dalam konteks penggunaannya dalam perhubungan.

(d) Unsur utama bahasa bukan hanya sifat dan strukturnya tetapi maknanya dari segi fungsi bahasa dan maksudnya dalam pertuturan.

(e) Nahu dan struktur ayat yang digunakan sesuai dengan tempat, masa, sebab dan penggunaan bahasa (Tunku Mohani Tunku Mohtar, 1994 : 15).

Dell Hymes (1967) membentangkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Perkara-perkara ini ialah tempat dan masa, tujuan bertutur, bentuk isi perbualan, gaya bercakap, saluran penuturan, peraturan dan kelakuan semasa bertutur dan jenis pertuturan.

Interaksi dan perhubungan boleh mengakibatkan proses pembelajaran. Aktiviti yang melibatkan perhubungan sebenar menggalakkan pembelajaran (Richard dan Rogers, 1986). Tugasan bermakna yang diberi kepada pelajar akan menyebabkan berlakunya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran (Johnson, 1982). Bahasa yang digunakan juga mestilah bahasa yang bermakna (Richard dan Rogers, 1986) supaya pelajar memahami dan mengetahui penggunaannya dalam konteks seharian.

Krashen dan Terell (1983) menegaskan bahawa pembelajaran bahasa dapat dihasilkan melalui penggunaan bahasa secara komunikatif daripada latihan kemahiran bahasa. Johnson (1982) dan Littlewood (1984) berpendapat pencapaian dalam kemahiran bahasa itu selaras dengan pengajaran bahasa yang berbentuk komunikatif. Kemahiran komunikatif dapat dicapai melalui latihan kemahiran bahasa. Menurut Littlewood (1981): ..... *The structural view of language has not been any way superceded by the functional view. However, it is not sufficient as a means of communication* .....

Littlewood menerangkan bahawa pengajaran bahasa boleh bermula dengan melibat struktur bahasa dan kemudiannya memberi aktiviti untuk pelajar menggunakan struktur itu dengan bermakna. Ini boleh dilakukan sekiranya struktur itu belum difahami oleh pelajar. Jika pelajar itu mahir dalam menggunakan bahasa, dia boleh diberikan aktiviti untuk dijalankan pada permulaan pelajaran itu. Jika terdapat kesilapan pada penggunaan tatabahasa, guru boleh memberikan latihan kemahiran kemudiannya (Tunku Mohani Tunku Mohtar, 1994 : 16).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Brumfit dan Johnson (1989), dan Littlewood (1981) menyatakan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam pendekatan komunikatif. Ketiga-tiga elemen ini boleh dinyatakan sebagai prinsip pendekatan ini.

1. Prinsip Komunikasi

   Prinsip ini menerangkan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dijalankan, melibatkan cara berkomunikasi sebenar pelajar di luar bilik darjah. Murid-murid digalakkan berinteraksi sesama mereka, sama ada dalam bentuk lakonan, laporan penerangan. Keadaan ini akan menggalakkan proses pembelajaran bahasa kerana pelajar boleh menggunakan pengetahuan mereka yang telah sedia ada.

2. Prinsip tugasan

   Pembelajaran bahasa yang disulami dengan aktiviti komunikasi akan lebih memberikan makna kepada pelajar-pelajar. Para pelajar akan lebih memahami sesuatu tugasan bahasa yang diucapkan itu apabila mengalami situasi itu sendiri.

3. Prinsip yang lebih bermakna

   Pembelajaran bahasa yang bermakna akan menggalakkan keinginan mempelajari bahasa yang seterusnya. Ini bermakna pengetahuan bahasa sebelumnya adalah penting untuk mempelajari bahasa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baru. Penggunaan bahasa autentik dan bahasa yang memberi makna akan lebih memudahkan pembelajaran sesuatu bahasa (Kamarudin Hj Husin, 1995 : 45).

Littlewood (1981) menyatakan bahawa komunikasi adalah penting dalam aspek pembelajaran. Menurutnya :

> *A further important factor is his interpretation of social situation in which communication taking place : languages carries not only functional meaning, it als carries social meaning (Kamarudin Hj Husin, 1995 : 45).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan Littlewood seperti yang tercatat di atas jelas menunjukkan kepentingan komunikasi dari segi maksud fungsional dan sosial. Justeru bertepatan dengan pendekatan komunikatif yang mementingkan aspek komunikasi dalam pembelajaran bahasa. Pendekatan komunikatif membolehkan murid-murid memahami sesuatu bahasa dengan mudah.

Littlewood (1982) telah memperlihatkan proses-proses penting dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa berkomunikatif. Proses-proses itu ialah :

1. Peringkat aktiviti pra komunikatif
   (a) Aktiviti struktur
   (b) Aktiviti ke arah komunikatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Peringkat aktiviti komunikatif

   (a) Aktiviti komunikatif yang berfungsi

   (b) Aktiviti interaksi sosial

Pada peringkat pertama pengajaran, dimulakan dengan penyampaian butiran bahasa, iaitu memperkenalkan struktur dan fungsi. Kemudian diikuti dengan latihan yang terkawal dengan matlamat membina bahasa yang boleh digunakan untuk berkomunikasi dan bukannya latihan struktur semata-mata.

Pada peringkat kedua, guru menyediakan situasi yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari pada peringkat pertama untuk berkomunikasi sebenarnya. Oleh sebab pendekatan komunikatif menekankan peri pentingnya kecekapan berkomunikasi maka guru perlulah mewujudkan situasi yang membolehkan pelajar berkomunikasi. Aktiviti komunikatif boleh dilakukan dalam bentuk kerja kumpulan atau berpasangan (Kamarudin Hj Husin, 1995 : 47).

Proses-proses penting yang dicadangkan oleh Littlewood (1982) dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa berkomunikatif, memberi peluang kepada guru untuk mewujudkan satu suasana yang membolehkan murid-murid berkomunikasi. Ini dapat dijalankan dengan mewujudkan pelbagai aktiviti komunikasi yang boleh memperbanyakkan hubungan dan tindakan di antara murid dengan murid dan monopoli guru diminimakan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dirancang khas supaya murid-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid berpeluang untuk berkomunikasi. Semasa aktiviti dijalankan, murid-murid menjalankan aktiviti yang berbeza dengan membuat latihan bahasa. Tugasan yang diberikan mungkin tugasan untuk mendapat maklumat, menyelesaikan masalah, membuat ramalan dan sebagainya. Murid-murid akan berinteraksi di antara mereka seperti menyoal, menjawab, memberi keterangan dan menyumbangkan pendapat. Ini dapat melahirkan hubungan yang positif dan memberi gambaran yang positif mengenai pendekatan komunikatif. Peranan murid-murid menjadi tumpuan kepada pendekatan komunikatif kerana pendekatan ini menekankan kepada kemahiran murid-murid untuk berkomunikasi, bukan untuk menguasai struktur bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Johnson (1982) telah memberi lima prinsip latihan jenis komunikasi iaitu:

(a) Prinsip Pemindahan Maklumat (Information Transfer)

Prinsip ini melibatkan kefahaman maklumat yang diberi dan pemindahan maklumat daripada satu bentuk kontekstual atau "media" kepada bentuk yang lain, misalnya, daripada surat kepada borang dan daripada borang kepada surat.

(b) Prinsip Jurang Maklumat (Information Gap)

Komunikasi berlaku apabila seseorang mengetahui maklumat dan seorang lagi tidak. Orang yang tidak mempunyai maklumat akan bertanya kepada orang yang mempunyai maklumat untuk mengecilkan jurang itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Prinsip "Jigsaw" (Cantuman)

Prinsip ini melibatkan cantuman maklumat yang diperoleh berasingan untuk menyempurnakan sesuatu tugasan.

(d) Prinsip Kebergantungan Tugasan (*Task Dependency*)

Ini melibatkan penggunaan maklumat yang diberi semasa melaksanakan sesuatu latihan. Sesuatu tugasan (tugasan B) hanya boleh dilakukan jika tugasan sebelumnya (tugasan A) telah dijalankan dengan sempurna.

(e) Prinsip Pembetulan Isi

Pada suatu peringkat, penghasilan bahasa oleh pelajar patut dinilai berdasarkan sejauh mana keberkesanannya dalam komunikasi, mengikut tugasan yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, prinsip ini menafikan peranan guru dalam membetulkan kesalahan tatabahasa pada peringkat yang lain (Tunku Mohani Tunku Mohtar, 1994: 17).

Kesimpulannya, dalam pengajaran Bahasa Melayu pendekatan komunikatif memungkinkan guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai teknik, aktiviti dan bahan pengajaran untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran tertentu. Di samping itu, ia juga menggalakkan, murid-murid membina sikap kreatif dan berdikari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid-murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, sementara guru berperanan sebagai pembimbing dan pemudahcara.

2.7 Tanggapan Salah Tentang Aktiviti Komunikatif

	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
7. Saya sangat suka belajar kata majmuk secara pendekatan komunikatif.	2	2.0	11	10.9	5	5.0	53	52.5	30	29.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Berkecuali		Setuju		Sangat Setuju	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
8. Pendekatan komunikatif akan memudahkan lagi murid-murid memahami dan mempelajari Bahasa Melayu.	2	2.0	0	0	2	2.0	40	39.6	57	56.4
9. Setelah mempelajari bahasa melalui pendekatan komunikatif, saya boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik.	2	2.0	2	2.0	9	8.9	48	47.5	0	39.6
10. Pendekatan komunikatif memperbanyak-kan interaksi di antara murid dengan murid dan mengurangkan monopoli guru.	2	2.0	23	22.8	8	7.9	36	35.6	32	31.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk jadual 11, data item 7 menunjukkan 30 orang responden sangat setuju, 53 orang responden setuju, 11 orang responden tidak setuju, 2 orang responden tidak setuju dan 5 orang responden berkecuali.

Data item 8 menunjukkan seramai 57 orang responden sangat setuju, 40 orang responden setuju, 2 orang responden sangat tidak setuju dan 2 orang berkecuali.

Berdasarkan item 9, 40 orang responden sangat setuju, 48 orang responden setuju, 2 orang responden sangat tidak setuju, 2 orang responden tidak setuju dan 9 orang berkecuali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data item 10 menunjukkan 32 orang responden sangat setuju, 36 orang responden setuju, 2 orang responden sangat tidak setuju, 23 orang responden tidak setuju dan 8 orang berkecuali.

Secara purata di dalam aspek ini, majoriti suka belajar kata majmuk dengan mengguna pendekatan komunikatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4. Kesimpulan

Dapatan-dapatan ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik murid-murid dapat mengesan daerah-daerah yang menjadi masalah kepada murid dan guru. Hasil daripada analisis keseluruhan dapatan ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik membuktikan bahawa penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan. Justeru, guru dapat mempertingkatkan prestasi dan penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan soalan-soalan kajian berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dalam BAB 4. Perbincangan akan tertumpu kepada tiga soalan kajian berasaskan analisis data. Kemudian diikuti cadangan-cadangan untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak berkenaan yang dirasakan berfaedah dan dapat dipraktikkan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya berasaskan pendekatan komunikatif di Sekolah Menengah Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah di kalangan murid-murid Tingkatan Dua. Akhir sekali, mengemukakan cadangan untuk kajian selanjutnya untuk mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu di kalangan murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Kesimpulan dan Perbincangan

Kajian ini meninjau dan menganalisa soalan-soalan kajian untuk mengkaji tahap penguasaan murid-murid tentang kata majmuk dengan mengkaji peratus dan kekerapan (frekuensi) kesalahan kata majmuk yang dilakukan oleh murid-murid Tingkatan Dua A 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad.

Aspek kesalahan penulisan kata majmuk yang paling ketara dalam kumpulan kajian berdasarkan beberapa perkataan yang telah ditetapkan juga dikaji. Ini adalah untuk mengenal pasti daerah kelemahan cara sebutan dan penulisan kata majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen, iaitu ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik.. Kedua-dua instrumen ini mengandungi item yang berkisar kepada aspek kata majmuk dan pendekatan komunikatif. Soal selidik digunakan bagi menyokong atau mengukuhkan hasil ujian sebelum dan ujian selepas.

5.2.1 Apakah kekerapan (frekuensi) kesalahan penulisan kata majmuk yang dilakukan murid-murid?

Kekerapan (frekuensi) kesalahan penulisan kata majmuk yang dilakukan murid-murid dapat diperhatikan dalam dua ujian yang telah dijalankan iaitu ujian sebelum dan ujian selepas. Jadual 12 menyenaraikan kekerapan (frekuensi) kesalahan penulisan kata majmuk yang dilakukan oleh murid-murid dalam ujian sebelum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 12

Frekuensi kesalahan penulisan kata majmuk.

Perkataan	Frekuensi Salah
berterima kasih	23
menyalahgunakan	23
mengulangkaji	20
dikuatkuasakan	20
tengah hari	14
antarabangsa	11
bumiputera	11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam ujian selepas, murid-murid hanya melakukan kesalahan penulisan pada perkataan 'tengah hari'. Frekuensi salah ialah 14. Ini menunjukkan keberkesanan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya.

5.2.2. Apakah aspek kesalahan penulisan kata majmuk yang paling ketara dalam kajian?

Dalam ujian sebelum murid-murid Tingkatan Dua A 3 paling banyak membuat salah pada perkataan kata majmuk jenis imbuhan awal, jenis imbuhan sisipan, rangkai kata bebas dan bentuk mantap. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut: berterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kasih, menyalahgunakan, mengulangkaji, dikuatkuasakan, tengah hari, antarabangsa dan bumiputera.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kesalahan penulisan kata majmuk berlaku, faktor utama ialah sikap murid-murid itu sendiri. Sesetengah murid menganggap kata majmuk tidak penting. Ini terbukti semasa guru menyemak ujian sebelum. Golongan ini terbukti tidak mendisiplinkan diri mereka dan tidak menyemak semula tugasan yang dihasilkan itu. Oleh itu, kesalahan penulisan kata majmuk dalam penulisan dan berkomunikasi berlaku kerana kecuaian murid-murid itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid-murid juga tidak mempunyai pengetahuan yang mantap tentang peraturan kata majmuk seperti yang tercatat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa ada murid-murid akan menulis dan berkomunikasi dengan kata majmuk atas dasar kemunasabahan. Faktor ini menyebabkan berlakunya bentuk kesalahan ejaan atau penulisan kata majmuk.

Penggunaan Bahasa Melayu pada tahap yang minima juga akan mempengaruhi kualiti dan prestasi Bahasa Melayu murid-murid dari segi lisan dan penulisan.

Tambahan pula, sebelum ujian dijalankan pengkaji mengajar mengguna pendekatan tradisional. Pendekatan ini berpusat kepada guru. Penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran adalah terhad. Oleh itu, ujian sebelum membuktikan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid-murid mempunyai masalah dalam penguasaan Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya.

Berdasarkan hasil dapatan daripada ujian selepas didapati bahawa prestasi murid-murid meningkat. Murid-murid memberi jawapan yang betul kepada semua perkataan kata majmuk yang diuji. Hanya perkataan 'tengah hari' mencatat frekuensi salah iaitu 14.

Faktor yang menyumbang kepada prestasi murid-murid adalah kerana pengkaji telah mengguna pendekatan komunikatif semasa mengajar kata majmuk. Teori Pembelajaran Interaksionalis (Haliday) dan Teori Pembelajaran Fungsionalis (Halliday) telah dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cara ini dapat menolong murid-murid mengguna sistem bahasa yang dipelajari itu dengan betul. Guru hanya berperanan sebagai seorang fasilitator, ini selari dengan pendapat Been dan Candlin (1980); Littewood (1981); Long dan Porter (1985) yang menyatakan bahawa peranan guru hanya sebagai pemudahcara pembelajaran. Murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Ini disokong dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa mereka suka belajar kata majmuk dengan mengguna pendekatan komunikatif kerana memberi peluang mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3. Sejauh manakah tahap penguasaan murid-murid tentang kata majmuk setelah mengikuti pengajaran secara komunikatif?

Pada keseluruhannya, prestasi murid-murid dalam ujian sebelum didapati tidak mencapai tahap yang membanggakan. Rata-rata murid berbangsa Melayu, Cina dan India melakukan kesalahan dalam menanda jawapan yang tepat. Didapati murid-murid Tingkatan Dua A 3 paling banyak membuat salah pada perkataan seperti dalam jadual berikut :

Jadual 13

Peratus kesalahan penulisan kata majmuk.

Perkataan	Peratus
berterima kasih	67.6 peratus
menyalahgunakan	64.7 peratus
berterima kasih	67.6 peratus
mengulangkaji	58.8 peratus
dikuatkuasakan	58.8 peratus
tengah hari	41.2 peratus
antarabangsa	32.4 peratus
bumiputera	32.4 peratus

Kata majmuk yang tersenarai seperti di atas adalah jenis kumpulan imbuhan awal, jenis imbuhan sisipan, rangkai kata bebas dan bentuk mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid-murid paling banyak membuat kesalahan pada perkataan-perkataan tersebut kerana keliru dengan peraturan-peraturan yang terdapat pada sistem penulisan kata majmuk dan pengaruh iklan, papan tanda dan media massa. Menurut Corder (1977 : 256) kesalahan bahasa akan terjadi kerana individu berkenaan masih belum mampu menguasai seluruh sistem bahasa kedua yang dipelajarinya.

Tambahan pula, murid-murid diajar berdasarkan pendekatan tradisional yang berpusat kepada guru. Oleh itu, mereka tidak berpeluang untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan-rakan untuk mendapat maklumat jawapan yang tepat dan memantapkan pengetahuan fungsi bahasa. Ujian sebelum membuktikan bahawa murid-murid mempunyai masalah penguasaan Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khasnya.

Oleh kerana pencapaian murid-murid dalam ujian sebelum tidak mencapai tahap yang memuaskan, maka pengkaji telah memperkenalkan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran kata majmuk sebagai rawatan untuk mengatasi daerah kelemahan murid-murid.

Semasa aktiviti latihan berdasarkan kata majmuk dijalankan, murid-murid dibenarkan membentuk kumpulan iaitu satu kumpulan terdiri daripada dua orang murid. Jumlah murid di dalam kelas adalah 34 orang. Oleh itu 17 kumpulan telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibentuk. Rancangan pelajaran untuk proses pembelajaran dan pengajaran kata majmuk sebelum ujian selepas dijalankan dapat dilihat pada bahagian lampiran.

Kerja kumpulan yang interaktif dapat menambahkan motivasi pelajar-pelajar untuk bertutur dan dapat mewujudkan suasana pengajaran berpusatkan pelajar (Long dan Peter, 1988). Rasa kecewa akibat gagal membuat kerja secara sendiri dapat dikurangkan jika kerja dibuat secara kumpulan melalui kerjasama. Mereka juga dapat berkongsi idea dan menghormati idea orang lain. Dalam aktiviti seperti ini setiap individu bertanggungjawab mengendalikan kerja masing-masing. Kejayaan sesuatu itu bergantung ke atas sumbangan setiap ahli kumpulan itu (Slavin, 1989 / 90).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap kumpulan diberi tugasan yang sama seperti ujian sebelum. Murid-murid tidak diberitahu bahawa pengkaji akan memberi tugasan yang sama dalam ujian selepas. Sehubungan dengan itu, tiap-tiap kumpulan dibekalkan dengan sebuah kamus, sebuah buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Dua dan sebuah buku panduan sistem ejaan. Murid-murid bekerja secara berpasangan untuk mencari ejaan perkataan yang tepat. Mereka diberi peluang berinteraksi, berkomunikasi berbincang untuk menyelesaikan masalah yang terdapat dalam tugasan. Murid-murid juga boleh meluahkan perasaan, memberi pendapat bersoal-jawab dan membuat laporan secara lisan dan membuat latihan penulisan tentang tugasan yang diberi iaitu 12 patah perkataan kata majmuk. Aktiviti komunikatif seharusnya melibatkan kemahiran-kemahiran lisan dan tulisan (Canale dan Swain 1981,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Morrow 1977; Girard 1990), kerana ini akan dapat memantapkan dan meningkatkan kualiti Bahasa Melayu murid-murid.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1999 : 60) melalui pendekatan komunikatif pelajar dapat mengembangkan idea di samping dapat bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain. Ini disebabkan oleh proses pembelajaran mengikut pendekatan ini menekankan gerakerja berkumpulan atau berpasangan yang membolehkan murid berkomunikasi. Satu perkara yang penting ialah pelajar dapat menghilangkan rasa takut dan malu. Di sebaliknya perasaan berani dan keinginan untuk melibatkan diri akan tersemai dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah pengkaji meneliti dan memeriksa skrip ujian selepas, didapati prestasi murid-murid meningkat. Murid-murid memberi jawapan yang betul kepada semua perkataan yang diuji kecuali perkataan 'tengah hari' yang mencatat 41.2 peratus salah. Murid-murid membuat kesalahan pada perkataan tersebut kerana keliru dengan peraturan-peraturan penulisan kata majmuk dan terpengaruh dengan kesalahan ejaan yang terpapar di papan tanda, iklan, media cetak dan media elektronik. Faktor sikap acuh tak acuh murid-murid tentang penggunaan kata majmuk juga menjejaskan penguasaan tatabahasa Bahasa Melayu mereka.

Prestasi murid-murid dalam ujian selepas membuktikan keberkesanan penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya . Ini selari dengan pendapat Carrol (1980 : 8) yang menegaskan kejayaan sesuatu komunikasi bergantung bukan kepada ketepatan bentuk-bentuk tetapi kepada keberkesanan komunikasi. Penggunaan pendekatan komunikatif membawa kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa (Mitchell, 1988; Bonset, 1989).

5.3 Cadangan-Cadangan

Berdasarkan hasil kajian ternyata peranan pendekatan komunikatif sebagai pendekatan untuk proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu membantu dan memudahkan tugas dan tanggungjawab guru di sekolah. Beberapa cadangan disyorkan sebagai usaha untuk menggalakkan lagi penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cadangan-cadangan ini adalah berdasarkan anggapan betapa bermanfaatnya pendekatan komunikatif jika diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru Bahasa Melayu. Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, dikemukakan pula beberapa cadangan untuk tindakan pihak-pihak berkenaan.

5.3.1 Tindakan Penggubal Dasar

(1) Bahagian Perkhidmatan Guru di Kementerian Pendidikan perlu menambah lagi khidmat latihan dalam perkhidmatan dalam bidang Bahasa Melayu. Khidmat itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

harus diberi masa ke masa kepada guru-guru yang tidak mendapat pendedahan dalam bidang tersebut supaya akhirnya semua guru Bahasa Melayu didedahkan dengan pengetahuan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang moden dan terkini selaras dengan jumlah guru di seluruh negara. Khidmat latihan itu boleh memberi kursus hujung minggu, seminar, bengkel, taklimat dan lain-lain. Langa (1991) dan Unyaikiat (1991) menyarankan supaya latihan dalam perkhidmatan yang berterusan tentang pengajaran bahasa berasaskan pendekatan komunikatif diberikan kepada guru-guru bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2) Kebanyakan buku-buku yang membincangkan tentang pendekatan komunikatif ditulis dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, usaha-usaha untuk menterjemah buku-buku tersebut ke dalam Bahasa Melayu patut diperbanyakkan untuk dimanfaatkan oleh guru dan bakal guru yang akan mengajar Bahasa Melayu.

(3) Alat bantu mengajar yang sesuai untuk pendekatan komunikatif terlalu sedikit. Oleh itu dicadangkan agar Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi menubuhkan satu badan khas untuk mengeluarkan bahan-bahan yang berhubung dengan pendekatan komunikatif oleh bakal-bakal guru semasa menjalani latihan perguruan, setelah dinilai boleh dikumpulkan, kemudian diserahkan kepada badan khas untuk diedarkan ke sekolah-sekolah. Pengeluaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara komersial boleh diswastakan sebagaimana yang dilakukan di negara-negara barat, Boon Leong (1982) dalam kajiannya tentang kesesuaian aktiviti-aktiviti komunikatif juga mendapati bahawa bahan-bahan pengajaran bahasa secara komunikatif masih lagi kurang. Boyd (1989) pula menyarankan supaya penyediaan bahan panduan guru dipertingkatkan bagi membantu pelaksanaan pengajaran bahasa berasaskan pendekatan komunikatif.

5.3.2 Tindakan Peringkat Sekolah

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pihak pentadbir sekolah supaya dapat membekalkan pengetahuan dan memberi kursus tentang penggunaan pendekatan komunikatif kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi membolehkan mereka mempraktikkan pendekatan komunikatif dengan berkesan di dalam kelas dan meningkatkan kualiti bahasa dari segi komunikasi dan penulisan.

Semoga pihak pentadbir sekolah akan merancang dengan rapi penggunaan kaedah yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian dan kemahiran bahasa murid-murid dari segi lisan dan penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini hanyalah melibatkan murid-murid Tingkatan Dua di sebuah sekolah sahaja. Adalah diharapkan supaya kajian lanjutan dapat dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan berminat di kalangan populasi guru yang lebih ramai bagi menambahkan usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat tentang pendekatan komunikatif serta aplikasinya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar boleh dijadikan rujukan dan panduan.

5.5 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian tentang pendekatan komunikatif dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya, telah dapat mengenal pasti sejauh mana keberkesanan pendekatan komunikatif dipraktikkan oleh pengkaji di kalangan murid-murid Tingkatan Dua A 3 di Sekolah Menengah Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Hasil daripada analisis keseluruhan dapatan ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik dapat mengesan daerah-daerah yang menjadi masalah kepada murid dan guru. Sehubungan dengan itu, membuktikan bahawa penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping hasil kajian dapat menjadi panduan dan rujukan untuk mempertingkatkan prestasi murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, hasil kajian ini boleh juga menjadi asas kepada kajian lanjutan dalam bidang perkaedahan pengajaran Bahasa Melayu. Aktiviti pengajaran yang dipelbagaikan akan mengelakkan rasa jemu murid-murid dan meningkatkan tahap konsentrasi mereka dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abd. Aziz Abd. Talib. (2002). *Pedagogi Bahasa Melayu, Prinsip, Kaedah dan Teknik.* Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Guru dan Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur : Media Printext (M) Sdn. Bhd.

Abdul Hamid Mahmood. (1998). *Menguasai Ejaan Baharu Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur : Syarikat Percetakan Bintang Baru.

Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abu Bakar Nordin. (1986). *Asas Penilaian Pendidikan.* Petaling Jaya : Heinemann Malaysia Sdn. Bhd.

Allwright, R (1965). *"Language Learning Through Communicative Practice"*, dlm Brumfit, C.J. and Johnson, K. (peny.) *Communicative Approach to Language Teaching.* Cambridge University Press.

Arbak Othman. (1984). *Tatabahasa Bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.

Arbak Othman. (1985). *Mengajar Tatabahasa.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1984). *Pengajaran bahasa Malaysia dalam konteks perancangan bahasa kebangsaan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1989). *Kaedah Pengajaran Bahasa.* Ampang Dewan Bahasa Pustaka.

Awang Mohamad Amin. (1992). *Satu Kajian Khusus Penguasaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azman Wan Chik (ed.). (1986). *Mengajar bahasa Malaysia jilid 1 : perkaedahan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bloom, B.S. (1959). *Taxonomy of educational objectives book 1 : cognitive domain.* London : Longman.

Breen, M. dan C.N. Candlin,. (1980), *The essentials of a communicative curriculum in language teaching. Applied linguistics* 1 (2) : 89 - 112

Brumfit, C.J. dan K. Johnson (pnyt.). (1979). *The communicative approach to language teaching.* Oxford : Oxford University Press.

Brumfit, C. (1984). *Communicative methodology in language teaching, the roles of fluency and accuracy.* Cambridge : Cambride University Press.

Brumfit, D.J. & Johnson. (1985). *The Communicative Competence.* Occasional Paper No. 14, SEAMEO, RELC, Singapura.

Canale, M., dan M. Swain. (1980). Theoritical bases of communivative approaches to second language teaching and testing. *Applied Linguistics*, 1 (1) : 1 - 47.

Canale, M. (1983). From communicative competence to communicative language pedagogy. Dalam Richards, J.C. dan R.W. Schmidt. 1983. *Language and communication.* London : Longman Group Limited.

Candlin, C.N., C.J. Bruton and J.H. Leather. (1974) *Doctor-patient communication skills.* Mimeo, University of Lancaster.

Carroll, Brendan J. (1980). *Testing Communicative Performance.* Oxford : Pergamon Press.

Carroll, Brendan J. (1983). The implications for testing of the communicative approach to language testing. Laporan Penilaian University of Illinois.

Craw, L.D. and Alice Crow. (1983). *Psikologi pendidikan untuk perguruan.* Terj. Habibah bt. Elias. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Das,Bilkram K., (pnyt.). (1985) *Communicative language teaching.* SEAMEO Regional Language Centre. Singapore : Singapore University Press.

Fronlich, Maria, Nida Spida & Patrick Allen. (1985). Differences in the communicative orientation of L 2 classroom. *Tesol Quarterly* 19 (1) : 27 - 57.

Finnocchiaro, M., dan C. Brumfit. (1983). *The functional - national approach : from theory to practice.* New York : Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halliday, M.A.K. (1973). *Exploration In The Functions of Language.* London : Edward Arnold.

Halliday, M.A.K. (1975). *Learning how to mean : explorations in the development of language.* London : Edward Arnold.

Hymes, D. (1967). *"The Anthropology of Communication"*, dlm. Dance, F.E.X. (peny.). *Human Communication Theory.* New York : Holt, Rinehart and Winston Inc., hlm. 1 - 39.

Hymes, D. (1971). *"On Communicative Competence"*, dlm Pride and Holmes (peny.) *Sociolinguistics.* Penguin.

Institut Bahasa. (1994). *Strategi Pendidikan Bahasa Melayu.* Ampang : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Hj. Husin. (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.* Subang Jaya : Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa.* Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa.* Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997), *Pengajian Melayu 3 : Komunikasi Bahasa.* Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan).* Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (1999). *Pengajaran Lisan Kemahiran Mendengar dan Bertutur.* Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingatan Dua : Bahasa Melayu.* Pusat Perkembangan Kurikulum.

Krashen, S. (1981). *Second language acquisition and second language learning.* Oxford : Pergamon Press.

Leesatayakun, Mantmart 1988 Communicative language teaching : observation of the English as a foreign language classrooms in Thailand. Tesis Ph. D. University of Illinois at Urbana-Champaign.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Littlewood, W. (1985). Intergrating the new and the old in a communicative approach. Dlm Bilkram K. Das (pnyt.). 1985. *Communicative language teaching.* SEAMEO Regional Language Centre : Singapore University Press.

Littlewood, W. (1990). *Communicative language teaching, an introduction.* London : Cambridge University Press.

Morrow, K. (1979). Communicative language teaching : revolution or evolution? Dlm C.J. Brumfit & K. Johnson (penyt.). 1979. *The communicative approach to language teaching.* Oxford : Oxford University Press.

Praphu, A. (1983). Communicative teaching : "Communicative" in what sense? Dlm. Bikram K. Das (pnyt.). *Communicative language teaching.* SEAMEO Regional Language Centre : Singapore University Press.

Savignon, S.J. (1983). *Communicative Competence : theory and classroom practice.* Massachusetts : Addison - Wesley Publishing Company.

Sawwan, Mohamad Kamal Hasanain. (1991). The communicative teaching of English as a foreign language to secondary school Arab students in Kuwait. Tesis Ph. D. University of Wales (United Kingdom).

Seri Lanang Jaya bin Rohani. (1996). Orientasi Komunikatif Dalam Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Menangah. Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada memperolehi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

RANCANGAN PELAJARAN

Tingkatan	2A3
Masa	80 minit
Topik	Kata Majmuk
Objektif	Pada akhir pelajaran, murid dapat: 1. Menguasai 12 kata majmuk secara lisan dan penulisan. (ketua menteri, tengah hari, deria rasa, rapat umum, ringan tulang, anak emas, antarabangsa, bumiputera, berterima kasih, mengulang kaji, menyalahgunakan, dikuat kuasakan). 2. Menulis 12 kata majmuk mengikut sistem ejaan baharu Bahasa Melayu. 3. Mengembangkan perbendaharaan kata.
Hasil Pembelajaran Aras	7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber didengar, dibaca dan ditonton. 7.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar Berdasarkan konteks. Aras 1 iv. Memahami dan menyatakan makna yang sukar berdasarkan konteks.
Kemahiran Bahasa	Mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
Sistem Bahasa	Tatabahasa : Kata Majmuk
Ilmu	Komunikasi
Nilai	Sopan Santun Hormat-menghormati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RANCANGAN PELAJARAN

Kemahiran bernilai tambah	Kecerdasan pelbagai : Interpersonal dan Verbal-linguistik
Alat Bantu Mengajar	Buku teks, kamus, buku sistem Panduan Ejaan, bahan fotostat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
1. Soalan yang berkaitan dengan kata majmuk. i. Senarai perkataan-perkataan yang terdiri daripada gabungan 2 perkataan kata dasar - kata nama, kata kerja, kata adjektif (Contoh: anak emas)	Set induksi (5 minit) 1. Guru meminta murid-murid menyenaraikan perkataan-perkataan yang terdiri daripada gabungan 2 perkataan kata dasar. 2. Murid menjawab dan guru membawa jawapan murid kepada langkah yang seterusnya.	
	Langkah 1 (5 minit) 1. Guru merumuskan jawapan murid. 2. Murid-murid dibahagikan kepada kumpulan untuk bersedia melaksanakan aktiviti berpasangan.	
1. Sesi perbincangan. Membuat tugasan (lampiran)	Langkah 2 (30 minit) 1. Guru mengedarkan tugasan. 2. Secara berpasangan murid diminta berbincang berinteraksi untuk melaksana aktiviti 'cari dan jumpa' iaitu:	Alat Bantu Mengajar: Kamus, Buku Teks, Buku Sistem Panduan Ejaan, bahan fotostat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
	i. merujuk buku teks muka surat 121. ii. Mengguna kamus untuk mencari makna 12 perkataan kata majmuk iii. Mengguna buku Sistem Panduan Ejaan untuk menyemak ejaan 12 kata majmuk yang betul.	
12 perkataan dalam tugasan: 1. Memberi makna perkataan. 2. Memberi ejaan yang betul.	Langkah 3 (20 minit) Guru meminta beberapa orang murid untuk memberi jawapan berdasarkan tugasan yang disenarai dalam Langkah 2.	
Menanda ejaan kata majmuk yang betul dalam kertas tugasan.	Langkah 4 (15 minit) Guru meminta semua murid membuat tugasan.	
Penutup	Langkah 5 (5 minit) Guru dan murid-murid membuat rumusan pengajaran yang diperoleh.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

KATA MAJMUK

(SOALAN)

Tandakan (✓) bagi pengggunaan kata majmuk yang betul dan tandakan (X) bagi penggunaan kata majmuk yang salah.

1. ketua menteri ☐
2. tengahari ☐
3. deria rasa ☐
4. rapat umum ☐
5. ringan tulang ☐
6. anak emas ☐
7. antarabangsa ☐
8. bumiputera ☐
9. berterima kasih ☐
10. mengulang kaji ☐
11. menyalahgunakan ☐
12. dikuat kuasakan ☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

KATA MAJMUK

(JAWAPAN)

Tandakan (✓) bagi pengggunaan kata majmuk yang betul dan tandakan (X) bagi penggunaan kata majmuk yang salah.

1. ketua menteri ✓
2. tengahari X
3. deria rasa ✓
4. rapat umum ✓
5. ringan tulang ✓
6. anak emas ✓
7. antarabangsa ✓
8. bumiputera ✓
9. berterima kasih ✓
10. mengulang kaji ✓
11. menyalahgunakan ✓
12. dikuat kuasakan X

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

SOAL SELIDIK MURID

Terima kasih kerana menyertai penyelidikan ini. Tujuan kajian itu adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh para murid dan mempengaruhi prestasi akademik. Semua maklumat yang diberikan adalah menjadi rahsia dan tidak akan dihebahkan kepada sesiapa pun. Maklumat yang dikumpulkan akan diproses secara berkumpulan dengan komputer. Kerjasama murid-murid sangat kami hargai.

Silalah jawab dengan menggunakan kod yang sesuai atau mengisi ruangan kosong yang disediakan. Jawablah dengan ***teliti, jujur dan benar***.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian A : Maklumat Murid

1. Nama murid : _____
2. Nama seklah : _____
3. Tingkatan : _____
4. Jantina :

I.	Lelaki	1
II.	Perempuan	2

5. Bangsa :

I.	Melayu	1
II.	Cina	2
III.	India	3
IV.	Lain-lain	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B

Penguasaan Bahasa dan Pendekatan Komunikatif

Sila pilih satu sahaja daripada pilihan-pilihan yang diberi dengan membulatkan kod.

Bil.	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Berkecuali (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
1.	Saya amat suka mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
2.	Saya menggunakan masa lapang untuk membaca surat khabar Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
3.	Ibu bapa mengambil berat tentang kemajuan mata pelajaran Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
4.	Saya tidak mempunyai masalah penguasaan Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
5.	Saya menghantar buku latihan Bahasa Melayu pada masa yang ditetapkan.	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Berkecuali (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
6.	Saya mempunyai masalah tentang 'kata majmuk'	1	2	3	4	5
7.	Saya sangat suka belajar 'kata majmuk' secara pendekatan komunikatif.	1	2	3	4	5
8.	Pendekatan komunikatif akan memudahkan lagi pelajar memahami dan mempelajari Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
9.	Setelah mempelajari bahasa melalui pendekatan komunikatif, saya boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik.	1	2	3	4	5
10.	Pendekatan komunikatif memperbanyakkan interaksi di antara murid dengan murid dan mengurangkan monopoli guru.	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SMK TOH INDERA WANGSA AHMAD
JALAN TANJUNG TUALANG,
31007 BATU GAJAH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

TEL : 05-3661440
FAX : 05-3669885

5 JANUARI 2004

Kepada,
Cik Mariaton Fatimah bt. Mat Jiri
No. Pendaftaran : 200200276,
Program Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu),
Fakulti Bahasa,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

Puan,

Kebenaran Membuat Kajian Mengenai
Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran
Dan Pembelajaran Kata Majmuk

Adalah dimaklumkan bahawa pihak sekolah ini tidak keberatan untuk membenarkan puan menjalankan kajian yang tersebut di atas. Pihak sekolah ini sedia memberikan kerjasama sepenuhnya dan bantuan yang puan perlukan dalam menjalankan kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

.....

KAMARUZZAMAN BIN HASHIM
Pengetua,
SMK Toh Indera Wangsa Ahmad,
31007 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan